

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah permohonan Geran Agropreneur Muda yang diterima dan jumlah diluluskan serta bagaimana Kementerian memastikan penerima geran terlibat secara aktif dalam sektor pertanian dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pelaksanaan Program Agropreneur Muda Kementerian melalui Unit Agropreneur Muda (UAM) mendapat sambutan yang menggalakkan setiap tahun. Bagi tahun 2020, sehingga 15 November 2020, Kementerian telah meluluskan sebanyak 879 permohonan berjumlah RM16.6 juta. Kadar permohonan dan kelulusan Geran Agropreneur Muda tertinggi adalah pada tahun 2017 iaitu seramai 3,190 permohonan yang berjumlah RM54.8 juta.

2. Secara keseluruhannya, seramai 6,646 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda dari 1 Januari 2016 hingga 15 November 2020 yang berjumlah RM 116.7 juta seperti berikut:

SOALAN NO : 41

a) Sektor Tanaman	- 2,695 orang	(RM 46.4 juta)
b) Sektor Perikanan	- 542 orang	(RM 11.1 juta)
c) Sektor Ternakan	- 1,259 orang	(RM 26.3 juta)
d) Sektor Industri Makanan	- 2,150 orang	(RM 32.9 juta)

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mempergiat usaha demi memastikan penerima geran sentiasa aktif dan menyumbang kepada ekonomi negara. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:

- i. Menetapkan inisiatif di dalam laporan Hala Tuju Ke-3 MAFI iaitu mengekalkan peserta geran dalam program agromakanan selepas 3 tahun;
- ii. Kementerian secara aktif menjemput agropreneur muda mengikuti latihan, kursus-kursus webinar, sesi taklimat Geran Agropreneur Muda dan sesi perkongsian kisah-kisah kejayaan agropreneur muda.
- iii. Mengenalpasti dan melantik Ikon Agropreneur Muda berdasarkan pencapaian yang cemerlang dan diketengahkan dalam kisah kejayaan bertujuan untuk mewujudkan usahawan *role-model* kepada golongan muda;
- iv. Pemantauan secara berkala, khidmat bimbingan, latihan serta konsultasi yang berterusan disediakan kepada para agropreneur muda melalui jabatan dan agensi MAFI; dan
- v. Sebanyak 18 Jelajah Agropreneur Muda (JAM) dan lawatan kerja telah diadakan sepanjang tahun 2020 yang melibatkan 10 buah negeri. Program JAM ini berkonsepkan lawatan turun padang ke projek pertanian agropreneur muda (*walkabout*), kursus, promosi, pemasaran dan perjumpaan bersama para belia setempat.

Sekian, terima kasih.